

11 MAY 2003

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-57 UMNO BERMULA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Sambutan ulang tahun Umno ke-57 di Stadium Merdeka malam ini bermula tepat 8.30 malam dengan ketibaan Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Selepas upacara menaikkan bendera parti, lima penerjun payung mendarat di tengah-tengah stadium bersejarah itu bersama kibaran kain yang mempunyai wajah lima presiden parti itu setakat ini.

Ini diikuti dengan nyanyian lagu-lagu parti oleh lebih 40,000 anggota parti yang mengibar bendera parti.

Acara itu disiarkan secara langsung melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Sambutan kali ini jelas sekali mengingatkan kembali nostalgia laungan "Merdeka" oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tanggal keramat 31 Ogos 1957, di stadium itu.

-- BERNAMA

HS HS MAI